

24 NEGERI

SINAR HARIAN • SELASA 27 FEBRUARI 2024

TELUS & TULUS  
**Sinar**  
Harian  
sinarharian.com.my

NEGERI SEMBILAN SE  
TELUS & TULUS • TIDAK DICENKAM C

# 366 ekor ular ditangkap sejak Januari

## Tangkapan meningkat susulan cuaca panas

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI  
SEREMBAN

**K**es tangkapan ular di daerah ini meningkat sehingga 366 ekor sejak bulan lalu susulan cuaca panas dan kering ketika ini.

Pegawai Angkatan Pertahanan Awam (APM) Seremban, Kapten Mohamad Ridzuan Mohamed Buniran berkata, tangkapan paling banyak melibatkan spesies ular sawa sebanyak 256 ekor diikuti ular tedung iaitu 23 ekor.

"Daripada jumlah tersebut, 220 ekor ditangkap pada bulan Januari manakala 146 ekor pula ditangkap pada bulan Februari.

"Sekurang-kurangnya 10 aduan diterima pada setiap hari berkaitan reptilia yang mencero boh masuk dan bersembunyi di dalam rumah penduduk," katanya pada Isnin.

Menurutnya, aduan paling tinggi diterima melibatkan kawasan Mantin, Labu dan Senawang.

Tambah beliau, kes paling banyak diterima membabitkan reptilia tersebut bersembunyi di dalam lubang tandas namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan setakat ini.

"Ular paling besar ditemui ialah spesies ular sawa iaitu seberat 10 kilogram dengan panjang 2.4 meter.



Hanya anggota APM terlatih diberi tanggungjawab menangkap untuk ular yang memasuki rumah penduduk.

"Kita berharap penduduk jangan mengambil langkah sendiri menangkap ular sebaliknya hubungi pihak berkaitan yang mempunyai kepakaran dan peralatan mencukupi," katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai supaya mengambil langkah berhati-hati dan menjaga kebersihan rumah masing-masing bagi mengelakkan kehadiran reptilia ber-



MOHAMAD RIDZUAN

keanaan.

Ujar Mohamad Ridzuan, selain stor, bilik tidur dan tandas, haiwan tersebut juga suka 'berehat' di dalam kasut.

Dalam pada itu, Mohamad Ridzuan berkata, ular yang ditangkap akan dibawa pulang ke pejabat APM daerah sebelum diserahkan kepada Jabatan

Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) untuk tindakan lanjut.